

CETUSAN

Menyambut ulang tahun ke-86 Dr M

Usianya sudah lanjut tapi Dr Mahathir masih cergas lagi, satu tauladan baik

Selasa malam lepas saya antara ratusan tetamu profesor pada Malam Gala kenduri menyambut ulang tahun ke-86 Dr Mahathir di Dewan Merdeka, PWTC Kuala Lumpur anjuran bersama Majlis Profesor Negara, Yayasan Wangsa Perdana dengan kerjasama Institut Pemikiran Dr Mahathir Universiti Utara Malaysia dan Perdana Leadership Foundation. Ucapan Dr Mahathir penuh dengan perli, selamba dan tajam menggamatkan Dewan Merdeka. Seloka Cikgu Ismail Yaakob dari Pulau Langkawi, terkenal sejak zaman saya lagi melalui sindirannya yang bisa, selain daripada gelak ketawa harus menjadi renungan pemimpin kini. Islam hadhari satu hari! Berapa lama pula Malaysia nanti?

Pada hari baik, malam baik, bulan baik profesor mengenang legasi terbilang Dr Mahathir dan terpenting lagi bagi melancarkan *Dr Mahathir Leadership Internship Programme*, satu *internship* diharap berprestij dan padan dengan nama bekas PM yang mentadbir negara begitu lama dengan baik, walaupun diganggu gugat dan kepimpinannya terancam dari dalam dan di luar parti. Kesimpulan peninggalan atau warisan Dr Mahathir berbeza dengan pandangannya dan rumusan Perdana Menteri Najib Razak. Bagi Dr Mahathir peninggalan terbesarnya ialah tiada rusuhan perkauman berlaku selama dia memerintah, walaupun dianggap oleh orang Cina sebagai seorang ultra Melayu; memberi kepercayaan kepada orang Melayu mereka boleh buat apa sahaja kalau berpendidikan lanjut dan dilakukan bersungguh-sungguh. Najib pula berpendapat Visi 2020 dan penambatan Ringgit Malaysia dengan Dolar Amerika yang menyelamatkan ekonomi Malaysia lewat 1990an tanpa memerlukan bantuan *International Monetary Fund (IMF)* seperti Indonesia dan lain-lain. Kesimpulan saya agak berbeza, itu cerita lain pula. Lain kali sahajalah.

Bercakap tentang *internship*, lebih kurang seperti



housemanship bagi doktor muda, *reading in chamber* atau *chambering* bagi peguam pelatih dan *internship* untuk bakal penulis/wartawan di syarikat mass komunikasi (media cetak atau elektronik) atau muda-mudi bercita-cita menjadi politikus di *think tank* atau di ibu pejabat parti politik. Teringat pada masa lampau antara 1960-1962 berumur antara 23-25 tahun saya dipilih sebagai felo oleh *American Political Science Association* sebagai *intern* di Kongres Amerika atas rekomendasi Tun Razak, waktu itu Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno atau dalam istilah zaman itu Timbalan Yang Dipertua. Sekembali ke tanah air selepas beberapa lawatan sambil belajar di United Kingdom dan Eropah saya dipujuk olehnya masuk Umno - mula-mula sebagai pegawai khas selepas



'Sama padan, sama tujuan, segar jasmani, rohani terus menyumbang'.

fellowship yang tinggi dalam akademia.

Sungguhpun Dr Mahathir memerintah selama 22 tahun - satu rekod yang sukar dipecah oleh sesiapa pun perdana menteri kecuali seorang itu jadi diktator - ada juga cita-citanya tidak terlaksana. Antara kegagalannya mengikutnya dan kita semua sedar ialah mengubah *mindset* (pemikiran) orang Melayu secara pujukan dan nasihat. Memujuk orang

Malaysia: "Pada saya, wanita boleh menjadi PM sama seperti di Thailand. Namun situasi di Malaysia lelaki lebih menguasai, sejak dulu lagi, tapi tidak mustahil wanita boleh satu masa nanti jadi PM. Saya lihat dalam Umno, Wanita dan Puteri lebih kuat bekerja berbanding Pemuda dan yang lain (magnanya lelaki kah?). Pelbagai pengiktirafan boleh diberi kepada Wanita dan Puteri bergantunglah kepada

"Saya terbacca Minggu Wanita (Oktober-November) interviu khas dengan Dr Mahathir dan Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali tentang beberapa subjek dan isu. Perhatian saya tertarik pada komen Dr Mahathir tentang kemungkinan seorang wanita menjadi perdana menteri Malaysia: "Pada saya, wanita boleh menjadi PM sama seperti di Thailand. Namun situasi di Malaysia lelaki lebih menguasai, sejak dulu lagi, tapi tidak mustahil wanita boleh satu masa nanti jadi PM. Saya lihat dalam Umno, Wanita dan Puteri lebih kuat bekerja berbanding Pemuda dan yang lain (magnanya lelaki kah?). Pelbagai pengiktirafan boleh diberi kepada Wanita dan Puteri bergantunglah kepada kepimpinan kerajaan sedia ada". Pada saya jelas dan dibuktikan oleh sejarah Umno sendiri tidak payah pelajaran tinggi, graduan universiti terkenal untuk menjadi pemimpin yang berkesan, penggerak dan pencetus idea serta sumber inspirasi!"

itu setiasa usaha politik, satu dekad kemudian timbalan menteri yang pertama di Jabatan Perdana Menteri, penolong kanan *whip* (pengawas) di Parlimen, Ahli Majlis Tertinggi Umno hingga dia kembali ke rahmatullah mengejut, langsung saya ditahan di bawah ISA oleh pengantingnya selama lima tahun hinggalah dibebaskan oleh Dr Mahathir pada 30 Julai 1981.

The rest, as they say, is history. Maaflah non-speaking dan pejuang bahasa! Dalam tahun 1984-85 saya dilantik Felo Hal Ehwal Antarabangsa di Harvard University, satu anugerah

Melayu untuk berubah walaupun untuk kebaikan mereka sendiri amat sukar! Kita boleh membawa lembu, kerbau, kuda dan keldai ke tepi tebing sungai/tasik/kubang tetapi kita tidak boleh memaksa binatang itu minum air!

Saya terbacca Minggu Wanita (Oktober-November) interviu khas dengan Dr Mahathir dan Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali tentang beberapa subjek dan isu. Perhatian saya tertarik pada komen Dr Mahathir tentang kemungkinan seorang wanita menjadi perdana menteri

kepimpinan kerajaan sedia ada". Pada saya jelas dan dibuktikan oleh sejarah Umno sendiri tidak payah pelajaran tinggi, graduan universiti terkenal untuk menjadi pemimpin yang berkesan, penggerak dan penoetus idea serta sumber inspirasi!

Dr Mahathir terang-terang pada keseluruhannya gagal mengubah sikap Melayu agar lebih berdikari, lebih berusaha, lebih berpendidikan, lebih berwawasan - tidak cepat dan mudah lupa! Siapa kita sebelum kemerdekaan dahulu? Rata-rata hidup dalam kemiskinan

bagai itik kehausan air; mudah lupa asal-usul apabila sudah berjaya sedikit. Sudah ingat kita sudah hebat tetapi sebenarnya kita masih jauh ketinggalan. Sifat kacang lupukan kulit senang dilihat dalam masyarakat Melayu Baru. Bukan semua tetapi majoritinya begitulah. Apa pun manusia yang tidak mengenang budi berleluasa, terlonjak-lonjak kegirangan sedia pula hendak berkongsi hak-hak asasi dan istimewa mereka dengan orang lain tanpa berpandangan jauh. Relakah mereka itu berkongsi dengan kita apa yang mereka punyai? Tepuk dada tanya selera. Suka hiburan, suka berjudi, suka dipuji seperti raja-raja dan datuk hingga tanah air/kampung tergadai. Sindrom menang sorak kurang tergadai nampaknya sebatu dengan psikologi kita. Banyak lagi isu-isu yang lama kelamaan akan menghancurkan Melayu-Islam kalau sikap ini berterusan.

Sedikit tentang Dr Siti Hasmah yang relevan pada saya untuk dipetik dari Minggu Wanita. Apakah sifat seorang doktor zaman sekarang? Ujarnya: "Sekarang banyak hospital yang mempunyai KPI (Key Performance Indicator) masing-masing. Pelbagai slogan dicipta tetapi ada yang kurang mesra dengan pesakit. Seharusnya, tidak mengira apa pun jawatannya, pangkat atau kedudukan, jururawat harus mesra. Panggil dengan nama penuh, berikan salam, berikan senyuman dan sebagainya. Orang ke hospital kerana sakit, bila kita layan dengan mesra, kesakitannya jadi kurang. Tidak boleh gunakan bahasa kasar". Segala mesin, MRI, x-ray tidak sama dengan ubat yang paling mujarab yakni personal touch seperti yang digambarkan oleh Dr Siti Hasmah kerana personal touch adalah lebih mesra daripada mesin dan teknologi!

Pantun seloka adat Melayu yang mengandungi ajaran, sindiran, jenaka dan mengejek. Pemimpin tolonglah ambil ingatan apa yang diselokakan oleh Cikgu Ismail Yaakob dan perli Dr Mahathir yang tajam dimadahkan secara berjenaka dalam loghat Kedah.